



Rujukan Kam
Larkh

JKNS/KA/V/734/04-01 (18)
20 November 2017

SEPERTI DI DALAM SENARAI EDARAN

Y. Bng. Dato / Datuk / Datin / Tuan / Puan,

PEMANTAPAN PROGRAM SARINGAN DAN RAWATAN MALARIA DI NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bng. Dato / Datuk / Datin / tuan / puan, sehingga **Minggu Epid 46/2017** yang berakhir pada 18 November 2017, Selangor telah mencatatkan **sebanyak 100 kes Malaria dengan 2 kematian**. Bagi mencapai **Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan Tahun 2011-2020**, halatuju program kawalan Malaria Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- i. Sifar Kematian Malaria
- ii. Tiada Kes Jangkitan Tempatan

3. Bagi mencapai objektif ini, semua pengamal perubatan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta perlu mengamalkan **High Index Of Suspicion For Malaria** dan harus menjalankan saringan Malaria semasa lawatan pertama ke atas kumpulan berisiko (dengan sejarah demam) iaitu:

- i. **SEMUA** warga asing daripada negara berisiko Malaria, semua orang asli dan warga tempatan yang mempunyai sejarah pergerakan (*travel / occupational / recreational history*) ke kawasan berisiko Malaria (di dalam dan luar negara).

4. Kesemua kes Malaria perlu dikendalikan seperti pengurusan klinikal kes Malaria mengikut garis panduan **Management Guidelines Of Malaria In Malaysia 2013**.



Rawatan untuk semua kes Malaria hendaklah dimulakan dalam tempoh 1 jam selepas bacaan *Blood Film for Malaria Parasite (BFMP)* positif di makmal fasiliti kesihatan berkaitan. Perancangan awal harus dibuat untuk memastikan semua kes *Severe Malaria* dimulakan ubat *Intravenous Artesunate (I/V Artesunate)* dengan serta merta.

5. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti siasatan serta kawalan Malaria, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah menetapkan (secara pentadbiran) bahawa semua notifikasi Malaria ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) terdekat harus dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas diagnosa.

6. Justeru itu, pihak Y. Bhg. Dato' / Datuk / Datin / tuan / puan diminta untuk memanjangkan garis panduan ini kepada semua anggota yang terlibat dalam program saringan dan rawatan Malaria di fasiliti Y. Bhg. Dato' / Datuk / Datin / tuan / puan yang boleh didapati di portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/118>).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. HAJAH ZAITAN BINTI DATO' HAJI ADNAN) MPM: 25292

Pengarah Kesihatan Negeri,
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

s.k

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.